

14 SEP 1997

Mahathir-Pulang (Bergambar)

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN KE MONGOLIA DAN KYRGYZ

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair malam ini selepas lawatan rasmi selama seminggu ke Mongolia dan Republik Kyrgyz di tengah benua Asia.

Kepulangan Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat dan beberapa Menteri Kabinet lain di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah.

Dr Mahathir dan rombongannya tiba di lapangan terbang itu pada pukul 2.30 pagi dengan pesawat khas Penerbangan Malaysia (MAS).

Perdana Menteri berada di Ulan Bator iaitu ibu negara Mongolia sejak Isnin lepas kerana lawatan rasmi empat hari.

Dari Mongolia, beliau bertolak ke Bishkek di Republik Kyrgyz pada Khamis lepas kerana lawatan kerja tiga hari ke negara itu.

Rombongan Dr Mahathir termasuk beberapa Menteri Kabinet antaranya Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian Datuk Seri Rafidah Aziz dan juga Ketua Menteri Melaka Datuk Abu Zahar Ithnin.

Antara tokoh perniagaan dalam delegasi perniagaan seramai 66-orang yang mengiringi Dr Mahathir ialah Ketua Eksekutif Malaysia Mining Corporation Berhad (MMC) Tan Sri Ibrahim Menudin.

Di Mongolia, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya M.Ensaikhan selepas kedua-dua pemimpin menyaksikan majlis menandatangani beberapa perjanjian dua hala dan memorandum persefahaman (MoU).

Perdana Menteri juga menerima anugerah Ijazah Doktor Falsafah Kehormat dari Universiti Kebangsaan Mongolia.

Sementara berada di Bishkek, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan presiden Kyrgyz Askar Akaev dan Perdana Menteri Apas Dzhumagulov.

Dr Mahathir menawarkan kepakaran Malaysia dengan melatih rakyat Kyrgyz dalam enam bidang utama untuk membangunkan negara itu dan juga menyampaikan laporan kajian bersama mengenai ekonomi Republik Kyrgyz kepada presiden negara itu untuk membantu negara itu dalam program pembangunan dan peralihan ke ekonomi pasaran.

-- BERNAMA

ES PR